

Headline	Rebat tarif elektrik kekal		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	10	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	230 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,923
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,769



# Rebat tarif elektrik kekal

KOTAKINABALU—Kerajaan bersetuju mengekalkan rebat tarif elektrik sebanyak 1.52 sen/kWJ di semenanjung dan 1.20 sen/kWJ di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember tahun ini.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Maximus Johnity Ongkili berkata, dengan pengekalan rebat tarif elektrik itu, kerajaan membelanjakan subsidi sebanyak RM1.303 bilion bagi menampung peningkatan kos bahan api dan penjanaan bekalan elektrik kepada semenanjung bagi tempoh Julai hingga Disember tahun ini.

“Manakala bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, kerajaan telah membelanjakan subsidi khas sebanyak RM468 juta untuk menampung peningkatan kos bahan api dan penjanaan bekalan elektrik sepanjang 2017,” katanya kepada pemberita, di sini semalam.

Beliau berkata, rebat tarif bagi Sabah dan Labuan ditampung melalui pemberian subsidi bahan api Medium Fuel Oil (MFO) dan diesel serta subsidi sokongan tarif elektrik oleh Kerajaan Persekutuan.

“Manakala peruntukan RM1.303 bilion untuk semenanjung itu menggunakan Dana Hasil Rundingan

Semula Perjanjian Pembelian Tenaga dengan Penjana Kuasa Bebas Generasi pertama (Dana Perjanjian PPA),” katanya.

Menurutnya, rebat tarif elektrik akan diberikan kepada semua kategori pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) di semenanjung dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) di Sabah serta Labuan.

Ongkili berkata, kerajaan juga bersetuju mengekalkan kadar purata tarif elektrik asas di semenanjung pada 38.53 sen/kWJ dan 34.52 sen/kWJ bagi Sabah dan Labuan.


Katanya, semakan kos pembekalan elektrik oleh Suruhanjaya Tenaga dibawah dasar Ketidakeimbangan Pelepasan Kos Bahan Api (ICPT) bagi Januari hingga Jun tahun ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak 1.02 sen/kWJ.

“Peningkatan kos pembekalan elektrik berlaku disebabkan oleh kenaikan harga gas RM1.50/MMBtu (satu juta Unit Termal British) daripada RM21.20/MMBtu dan kenaikan harga arang batu di pasaran dunia serta kesan kadar tukaran wang asing kepada ringgit.

“Kenaikan 1.02 sen/kWJ memerlukan surcaj kepada pengguna, namun kerajaan telah memutuskan supaya kenaikan kos pembekalan elektrik itu tidak ditanggung

oleh pengguna,” katanya.

Ongkili berkata, secara keseluruhannya pelarasan tarif elektrik di bawah dasar kos bahan api dan penjanaan tidak seimbang telah membolehkan pengguna elektrik menikmati rebat sebanyak RM5.403 bilion di Semenanjung untuk tempoh Mac 2015 hingga Disember 2017. - *Bernama*



● Kerajaan belanja subsidi RM1.303 bilion

● Bagi tempoh Julai hingga Disember tahun ini



MAXIMUS